

## WANITA DAN CINTA DALAM KUMPULAN CERPEN MASITAH

YUSMILAYATI YUNOS  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[yusmila@ukm.edu.my](mailto:yusmila@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Wanita dan cinta merupakan gandingan yang begitu mengasyikan dan sering mendapat tempat di hati penulis. Kecantikan wanita dan kemanisan cinta seakan tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain dan terikat dengan erok dalam tiga buah cerpen yang menggambarkan budaya masyarakat Cina dan terakam indah dalam *Kumpulan Cerpen Masitah*. Namun kecantikan dan kemanisan cinta tidak selalu berpanjangan kerana mereka turut menjadi mangsa dalam pelbagai konflik percintaan, pertaruhan dalam perjudian dan adakalanya berakhir dengan kematian. Cerpen ‘Antara Rindu Xiang Si Dou’, ‘Kesuma Cinta Meigue’ dan ‘Cerita Si Kembang Cina’ digarap dengan cantik melalui perlambangan yang menggambarkan budaya masyarakat Cina yang menjadi sebahagian besar penduduk di negara ini. Nilai persahabatan, perpaduan kaum dan kasih sayang yang terdapat dalam cerpen berkenaan memperlihatkan eratnya hubungan budaya masyarakat Cina dan Melayu. Manakala cerpen “Dari Bumble Bee ke Boy’s Room” pula mengisahkan pemerintah di Singapura menjaga kadar pertumbuhan penduduk melalui bank sperma. Penulisan makalah ini sepenuhnya menggunakan kaedah analisis isi kandungan disamping temu bual bersama penulis cerpen. Tulisan ini bertujuan melihat pengorbanan sosok wanita dalam menjalani kehidupan sebagai seorang ibu, isteri, anak dan sahabat malah turut berperanan sebagai guru dalam sebuah institusi kekeluargaan. Antara persoalan menarik yang cuba diungkapkan di dalam tulisan ini ialah mengapa watak wanita diutarakan dalam cerpen-cerpen tersebut sehingga penulis mengadun ceritanya dengan baik dan memasukkan pelbagai elemen suka duka dalam kehidupan wanita. Terdapat satu penemuan menarik dalam tulisan ini iaitu dalam setiap cerpen yang dipaparkan pasti terselit cerita berkenaan warna merah, namun warna tersebut digambarkan dalam pelbagai rupa dan bentuk yang berbeza.

**Kata kunci:** Cinta, merah; perpaduan kaum; persahabatan; wanita

## ABSTRACT

Women and love are such an exciting pairing and often find a place in the heart of a writer. The beauty of women and the sweetness of love are inseparable from each other and are beautifully bound in three short stories that reflect the culture of the Chinese community and are beautifully recorded in the *Masitah Short Story Group*. But the beauty and sweetness of love does not always last because they are also victims of various romance conflicts, betting on gambling and sometimes ending in death. The short stories ‘Antara Rindu Xiang Si Dou’, ‘Kesuma Cinta Meigue’ and ‘Cerita Si Kembang Cina’ are beautifully crafted through symbolism that reflects the culture of the Chinese community which is a large part of the population in this country. The value of friendship, solidarity and love that are in respect of short stories show the close relationship between the Chinese and Malay culture. Meanwhile, the short story "From Bumble Bee to Boy's Room" depicts the story of the government in Singapore maintaining the population growth rate through sperm banks. The writing of this paper fully uses the method of content analysis in addition to interviews with short story writers. This article aims to see the sacrifice of a female figure in living life as a mother, wife, child and friend and even as a teacher in a family institution. Among the interesting questions that are tried to be expressed in this article is why the female character is expressed in the short stories so that the author mixes his story well and incorporates various elements of grief in women's lives. One of the interesting findings in this paper is that in each short story there is a story about red, but the color is depicted in many different forms and shapes.

**Keywords:** Love; red; unity; friendship; woman

## PENGENALAN

*Kumpulan Cerpen Masitah* (2007) hasil karya Mawar Safei mengandungi sebanyak 22 buah cerpen yang memaparkan pelbagai latar masyarakat dan budaya antarabangsa dengan pelbagai tema seperti cinta, agama, persahabatan dan wanita. Suatu hal yang sangat menarik berkenaan kumpulan cerpen ini ialah tiga buah cerpen yang mempunyai unsur budaya masyarakat Cina yang digarap indah dan menarik dengan memasukkan elemen cinta dan wanita. Keindahan isi dan jalinan cerita dalam cerpen berkenaan hasil daripada pengalaman dan kisah benar yang dilalui pengarang dan dirempahi dengan elemen kreatif bagi menambahkan rasa dan cerpen yang ditulis.

Cerpen biasanya memusatkan perkembangan watak yang tertumpu kepada beberapa orang tertentu. Memadai dengan memfokuskan seorang manusia atau sebuah watak penting dan peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Dalam sesebuah cerpen itu banyak wataknya tetapi yang menjadi fokus penceritaannya ialah kepada seorang watak saja. Watak-watak yang lain cuma bertindak sebagai memperkuatkan watak utama itu. Namun, dari segi identifikasi perwatakan, setiap cerpen perlu disediakan supaya tidak terdapat watak-watak yang stereotaip. Dengan kenyataan sebuah cerpen harus mempunyai satu watak penting atau utama, tidaklah menolak kepentingan atau menidakbolehkan munculnya watak-watak yang ramai (Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi 2020:125). Sehubungan itu, terdapat empat buah cerpen yang dbincangkan dalam makalah ini ialah “Dari Bumble Bee ke Boy’s Room”, “Antara Rindu Xiang Si Dou”, “Kesuma Cinta Meigue” dan “Cerita Si Kembang Cina”.

“Dari Bumble Bee ke Boy’s Room” mengisahkan bank sperma dan bagaimana pemerintah di Singapura menjaga kadar pertumbuhan penduduk dengan pemakanan (Mawar

Shafei 2007: xxvi) yang betul. Dalam cerpen ini watak Encik Chen tidak pernah tahu siapa ibu dan bapanya yang sebenar dan akhirnya dia juga telah mendermakan spermanya kepada Bank Sperma sebagai satu cara menambahkan bilangan penduduk di negaranya pada masa akan datang. Cerpen “Antara Rindu Xiang Si Dou” menceritakan tentang persahabatan anak kecil Melayu dan Cina. Kehangatan nilai persahabatan digambarkan melalui merahnya biji saga yang sentiasa membara walaupun berada di mana jua mereka berada. Manakala “Kesuma Cinta Meigue” merakamkan kisah Meigue yang telah meninggal dunia akibat kemalangan langgar lari di simpang fakulti (Mawar Shafei 2007: xxvii). Meigue akan muncul di tempat-tempat yang selalu dilaluinya ketika hidup dan selalu kecundang dalam percintaan. “Cerita Si Kembang Cina” pula mengisahkan seorang nenek tua berbangsa Cina yang sering berjalan-jalan di terminal bas dan menjadi perhatian ramai akibat keanehan yang ada pada diri nenek tua bergelar Si Kembang Cina. Dia mempunyai cerita sedih yang dialaminya sejak zaman gadis dan menjadi mangsa cinta.

Jika ditelitian keempat-empat cerpen berkenaan berlatarkan masyarakat Cina dan Singapura. Hal sedemikian berlaku kerana eratnya Negara Singapura dengan pengarang yang berasal dari Negara tersebut dan akrabnya hubungan persahabatan pengarang dengan rakan-rakan berbangsa Cina di Negara berkenaan semenjak kecil sehingga kini.

### GAMBARAN WATAK WANITA

Perempuan dan wanita banyak dijadikan sebagai bahan inspirasi bagi penyusunan karya sastera. Misalnya Sutan Takdir Alisyahbana (1982) yang tertarik pada ilmu dan filsafat mencerahkan hasil pemikirannya melalui karya sastera dengan menempatkan perempuan sebagai media penyampai seperti yang tergambar dalam novel *Layar Terkembang* yang mengangkat tokoh Tuti sebagai pejuang kemerdekaan dan persamaan hak perempuan. Permasalahan perempuan yang diangkat dalam karya sastera baik dalam novel, cerpen maupun puisi sejak zaman sebelum perang hingga mutakhir begitu kompleks. Dalam bentuk novel misalnya permasalahan yang diangkat mulai perlakuan adat terhadap kebebasan perempuan dalam memilih pasangan (*Siti Nurbaya*) hingga adanya kebebasan yang dimiliki perempuan di dalam menentukan sikap hidup terutama dalam masalah seks (*Saman*). Demikian juga dengan cerpen yang dimulai pada angkatan 45 hingga mutakhir menggambarkan kebebasan berfikir juga menentukan sikap hidup yang akan mereka jalani (Ekarini Saraswati 2010). Kepelbagaiannya masalah perempuan dan wanita yang diangkat dalam karya sastera Malaysia telah menarik minat penulis novel dan cerpen membuat penelitian dalam berbagai aspek.

Kedudukan perempuan dan wanita mulai zaman perang hingga tahun 1980-an masih belum berkembang. Wanita dianggap golongan yang lemah, yang dianggap kaum yang diperintah: bahawa lelaki berfungsi sebagai kaum yang memerintah dan melarang kaum perempuan sebagai mana pemimpin berfungsi terhadap rakyatnya. Perempuan dan wanita belum bebas daripada stigma masyarakat yang melihat mereka sebagai golongan kelas kedua dalam masyarakat. Pendapat ini dikukuhkan lagi dengan pandangan: wanita sebagai ibu/isteri yang patuh ditugaskan mengurus hal-hal rumah tangga supaya tidak timbul kucar kacir (Siti Aisah Murad 2008). Pencapaian profesional tidak terlalu penting bagi golongan wanita kerana terdapatnya ungkapan ‘setinggi-tinggi belajar pun orang perempuan, akan ke dapur juga satu hari nanti’. Hal ini menunjukkan bahawa anak perempuan tidak digalakkan melanjutkan pendidikan yang tinggi kerana akhirnya mereka tetap menguruskan rumah tangga juga. Begitulah gambaran yang cuba diungkapkan pengarang melalui isu-isu yang terdapat dalam cerpen yang dipilih daripada *Kumpulan Cerpen Masitah* ini.

Penulisan bab dalam buku ini mengupas gambaran persona perempuan yang direpresentasikan dalam *Kumpulan Cerpen Masitah* melalui sub topik wanita dan cinta, cinta dan persahabatan, cinta dan pengorbanan, wanita dan pengorbanan, wanita dan kecantikan dan diakhiri dengan merah sebagai perlambangan.

## Wanita dan Cinta

Kisah wanita dan cinta tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Hal demikian sering dipaparkan oleh ramai pengarang novel dan juga cerpen. Wanita dan cinta ibarat aur dengan tebing yang saling memerlukan antara satu sama lain. Persoalannya, siapakah yang boleh dikategorikan sebagai wanita, adakah anak-anak yang baru lahir, anak perempuan yang masih hingus-hingusan atau gadis sunti. Lumrahnya wanita adalah perempuan yang sudah berakal dan baligh. Sudah mandiri dan tahu kedudukannya dalam masyarakat dan agamanya (Noriah Mohamed 2006: 158). Sudah menjadi fitrah bagi setiap manusia mahu dicintai dan mencintai dan ada kalanya perasaan halus tersebut hadir tanpa diundang.

Terdapat pelbagai definisi, jenis dan kefahaman yang berkaitan dengan cinta. Persoalan cinta membabitkan semua golongan bermula sejak dari kandungan sehingga menjelang kematian. Cinta adalah pertalian yang diikat perasaan kasih sayang yang merangkumi aspek spiritual, emosi, fizikal, intelektual dan sosial mereka yang terlibat saling menghargai nilai-nilai peribadi yang dimiliki dan memuliakan perhubungan yang wujud tersebut. Cinta juga bererti kemahuan, keasyikan, tarikan, kerinduan dan keresahan yang wujud hasil daripada keterikatan perasaan kepada seseorang atau sesuatu (Chen Nan Fei dan Mawar Safei 2017:337).

Gambaran berkenaan wanita dan cinta ini dapat dilihat dalam ketiga-tiga cerpen yang telah dinyatakan di atas. Misalnya dalam cerpen “Kesuma Cinta Meigue” yang memaparkan percintaan seorang gadis dengan empat orang lelaki berlainan latar belakang pekerjaan. Percintaan Meigue dengan lelaki pertama bernama SK seorang pencinta seni menemui kegagalan kerana lelaki berkenaan mempunyai hubungan sulit dengan guru tutorialnya Alberto. Dengan kata lain SK adalah gay. Cinta kedua Meigue dengan sorang lelaki Nigeria bernama Uchena yang bertugas sebagai pembimbing orchestra. Uchena mempunyai seorang anak seusia Meigue yang sedang belajar di Sekolah Muzik di Indiana. Cinta Uchena terhadap Meigue ibarat cinta luhur seorang bapa kepada anaknya. Seterusnya Meigue menemui cinta hatinya yang ketiga menerusi laman maya. Lelaki berkenaan bernama Nox yang bekerja sebagai pencipta bangunan. Nox amat pendiam dan hanya bercakap apabila ditanya. Nox berkeadaan demikian kerana terpengaruh dengan ramalan doktor yang menyatakan usianya mampu bertahan setakat enam bulan sahaja akibat sakit kanser. Meigue nekad mahu meninggalkan Nox sebelum dia meninggal dunia kerana Nox akan meninggalkan spermanya di Bank Sperma Negara. Sekiranya Meigue ingin memperolehi anak bersama Nox, dia boleh menggunakan sperma berkenaan walaupun Nox telah meninggal dunia.

Selepas itu Meigue menemui cinta barunya dengan Ded seorang pelajar pendidikan sukan dan pelari pecut universiti. Meigue merasa bahagia bercinta dengan Ded kerana sebelum ini kesemua percintaannya menemui kegagalan. Sebenarnya Meigue tidak pernah merasa kasih sayang seorang ibu kerana ibunya telah meninggal dunia sejak dia dilahirkan. Dia dipelihara oleh neneknya sejak kecil dan kepada neneknya ditumpahkan rasa kasih dan sayang. Justeru, nenek Meigue sangat memahami isi hati dan kehendak cucu kesayangannya. Percintaan Meigue kali keempat ini boleh dianggap dapat mengubati kesunyainan yang dialami oleh Meigue akibat kecundang dengan percintaan sebelum ini. Namun seperti ungkapan yang dinyatakan oleh nenda Meigue “...dalam hidup kita harus sentiasa bersedia dengan apa rupa kecelakaan” (Mawar Shafei 2007: 227), Meigue telah meninggal dunia semasa menanti ketibaan kekasihnya Ded akibat dilanggar lari oleh manusia yang tidak bertanggungjawab di fakulti. Peristiwa langgar lari itu merupakan kali pertama berlaku dan membawa kepada kematian mahasiswa. Maka terkuburlah cinta Meigue yang baru mula berputik bersama Ded.

Gambaran wanita dan cinta dalam cerpen “Cerita Si Kembang Cina” pula amat menyedihkan. Si Kembang Cina terpaksa mengorbankan cinta dengan kekasih hatinya demi menjaga maruah keluarga. Dia menjadi taruhan ayahnya bagi melunaskan hutang yang ditanggung oleh keluarganya sejak turun temurun. Si Kembang Cina terpaksa berkahwin dengan lelaki yang tidak dikenali bagi melangsakan semua beban hutang keluarganya. Perkahwinan yang dianggap dapat memberikan kebahagiaan itu sebenarnya tidak seindah impian Si Kembang Cina. Selepas berkahwin, dia terpaksa menjadi objek taruhan suaminya di meja judi dan sentiasa bertukar tangan lelaki demi mencari sesuap nasi untuk mereka suami isteri. Akibat tidak tahan dengan layanan suaminya, dia nekad membunuh si suami pada suatu lewat petang ketika suaminya bersedia menunggu bungkusan makanan yang dibawa pulang oleh Si Kembang Cina. Tekanan hidup yang dilalui oleh Si Kembang Cina menyebabkan dia menjadi kurang waras dan masa tuanya dihabiskan berjalan-jalan di terminal bas awam.

Berbeza pula dengan cerpen “Dari *Bumble Bee* ke *Boy’s Room*” yang menyatakan tentang watak lelaki tua yang gila yang pernah dikecewakan dalam cinta sebanyak sepuluh kali. Antara wanita yang menjadi pujaannya ialah seorang primadona yang paling masyhur. Cinta mereka berdua tiada kesudahannya kerana primadona berkenaan tidak diketahui menghilang ke mana dan akhirnya lelaki berkenaan menjadi gila akibat merana dalam cinta.

### Cinta Dan Persahabatan

Istilah sahabat dan kawan jika tidak ada bezanya. Sahabat bermaksud kawan, teman dan taulan (*Kamus Dewan* 2010: 1365), manakala kawan pula bermaksud sahabat, teman (dalam pergaulan sehari-hari) dan rakan (*Kamus Dewan* 2004: 691). Namun jika ditelitikan sahabat dan kawan mempunyai perbezaan dari segi fungsinya. Sahabat adalah orang yang memiliki rasa tanggungjawab terhadap diri kita, tetapi tidak memiliki hubungan darah. Dalam erti kata lain, sahabat bukan terdiri daripada adik-beradik tetapi berupaya mewujudkan hubungan yang mirip hubungan persaudaraan antara adik-beradik. Sahabat adalah orang yang banyak memberi manfaat dan kebaikan kepada kita, dan kita juga begitu. Sahabat adalah seorang yang setiakawan, boleh membantu apabila kita berada di dalam kesusahan, meredakan kesedihan, menghilangkan kebimbangan dan sanggup berjuang demi kebaikan kita. Sahabat adalah orang yang mampu menyimpan rahsia dan keaiban kita. Mereka akan sentiasa melindungi kita. Sahabat kadangkala adalah penjaga, pelindung dan semangat mereka akan sentiasa ada bersama kita (<http://www.gempak.org/forum/236-sembang-kosong/86438-perbezaan-maksud-antara-sahabat-kawan-rakan-dan-kenalan.html>.).

Manakala kawan pula merujuk kepada seorang yang boleh berkongsi lebih dari satu perkara seperti minat, hobi, perasaan, perjuangan dan sebagainya biarpun bukan dari organisasi yang sama. Kawan ialah orang yang selalu berinteraksi dengan kita dan mengenali beberapa fakta peribadi mengenainya. Kawan mungkin boleh berkongsi kesedihan dan kegembiraan, tetapi mereka selalunya tidak akan pergi lebih jauh daripada itu. Malah, sekiranya tidak sependapat, hubungan kawan mungkin boleh terputus. Kawan selalu memiliki masa untuk bersama, bergembira, berseronok dan sebagainya. Kawan biasanya terjadi apabila seseorang itu menemui individu yang lain, yang memiliki persamaan seperti hobi, minat, sikap, tabiat dan pemikiran yang sama dengan dirinya. Kita selalunya berasa seronok dan terhibur apabila berada bersama-sama kawan (<http://www.gempak.org/forum/236-sembang-kosong/86438-perbezaan-maksud-antara-sahabat-kawan-rakan-dan-kenalan.html>).

Berdasarkan pandangan tersebut terdapat perbezaan nyata antara istilah sahabat dan kawan. Gambaran sedemikianlah yang cuba diperlihatkan pengarang dalam cerpen “Antara Rindu Xiang Si Dou”. Cerpen berkenaan lebih memberi perhatian kepada nilai persahabatan kanak-kanak Cina dan Melayu. Kanak-kanak Cina sering menjadi pendamai jiwa dan memujuk kanak-kanak Melayu jika berada dalam kesedihan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Saya pula terasa terlalu bodoh untuk berkata, “Sudahlah jangan menangis. Saya akan selalu di samping kamu.” Namun, akhirnya saya menutup mata dan cepat berkata, “Sudahlah, ayuh kita pulang dan jumpa malam nanti. Kau jangan lupa bawa lilin lebih, takut kehabisan, dan bila tanglungmu gelap, kau akan menangis, dan aku yang letih memujukmu!” (Mawar Shafei 2007: 180)

Persis tahun sudah juga saya akan menyelitkan kuih bulan di saku celana. Saya akan ambil dari dapur mama. Persis kisah kuih bulan, saya ingin sahaja menyelitkan pesanan saya di dalamnya, seperti yang dilakukan rakyat ketika menentang pemerintah Mongol pada akhir Dinasti Yuan. Pesan saya antaranya berbunyi, “Kau jangan bersedih, saya akan sentiasa menjadi sahabatmu.” (Mawar Shafei 2007: 180-181)

Tiba-tiba wanita itu menjengah kami. Oh, ibunya. Saya yang pertama disapa, “Terima kasih kerana memujuk dia. Kau memang anak yang baik, sahabat yang baik. Begitulah, dalam seribu kesedihan, katanya, kaulah yang selalu hadir untuk mengisi semangat, baginya kembali ceria.”

Saya jadi terpempam. Begitukan makna persahabatan kami di mata dia. Dalam kelam malam, saya melihat matanya bersinar. Cantik. Itulah antara maksud keindahan dalam seluruh hidup saya (Mawar Shafei 2007: 181)

Berdasarkan petikan di atas, watak kanak-kanak Cina dan Melayu tidak diberikan nama oleh pengarang. Kanak-kanak Cina menggunakan kata ganti nama diri ‘saya’ manakala kanak-kanak Melayu yang sedang bersedih menggunakan kata ganti nama ‘kau’, ‘dia’ dan ‘kamu’. Kebaikan ‘saya’ terhadap ‘dia’ amat disenangi oleh ibu ‘dia’ sehingga beliau mengucapkan terima kasih dan memuji kebaikan ‘saya’ seperti petikan di atas. Berhubung dengan hal tersebut, agama Islam turut memberikan beberapa ciri untuk memilih sahabat. Ciri-ciri berkenaan dapat dilihat dalam maksud hadis berikut:

Pesanan al-Qamah (seorang sahabat Rasulullah SAW) kepada anaknya, “Wahai anakku, sekiranya engkau berasa perlu untuk bersahabat dengan seseorang, maka hendaklah engkau memilih orang yang sifatnya seperti berikut.” Pilihlah sahabat yang suka melindungi sahabatnya, dia adalah hiasan diri kita dan jika kita dalam kekurangan nafkah, dia suka mencukupi keperluan. Pilihlah seorang sahabat yang apabila engkau menghulurkan tangan untuk memberikan jasa baik atau bantuanmu, dia suka menerima dengan rasa terharu, jikalau ia melihat kebaikan yang ada pada dirimu, dia suka menghitung-hitungkan (menyebutnya). Pilihlah seorang sahabat yang apabila engkau menghulurkan tangan untuk memberikan jasa baik atau bantuanmu, ia suka menerima dengan rasa terharu dan dianggap sangat berguna, dan jika ia mengetahui mengenai keburukan dirimu ia suka menutupinya. Pilihlah sahabat yang jikalau engkau meminta sesuatu daripadanya, pasti ia memberi, jikalau engkau

diam, dia mula menyapamu dulu dan jika ada sesuatu kesukaran dan kesedihan yang menimpa dirimu, dia suka membantu dan meringankanmu serta menghiburkanmu. Pilihlah sahabat yang jikalau engkau berkata, ia suka membenarkan ucapan dan bukan selalu mempercayainya saja. Jikalau engkau mengemukakan sesuatu persoalan yang berat dia suka mengusahakannya dan jika engkau berselisih dengannya, dia suka mengalah untuk kepentinganmu (<http://khazinahqalbu-fatinismadi.blogspot.com/2013/01/koleksi-hadis-tentang-sahabat.html>).

Sehubungan dengan itu, konsep perpaduan kaum turut diperlihatkan dalam cerpen ini iaitu ‘saya’ bersama sahabat-sahabat Melayu akan berkumpul bersama-sama selepas mereka selesai mengaji al-Quran sambil memasang tanglung. Walaupun mereka masih kanak-kanak tetapi sifat saling memahami budaya Cina dan Melayu telah mula diterapkan oleh keluarga masing-masing. Perbezaan agama dan budaya ini tidak menghalang kanak-kanak berkenaan untuk saling berinteraksi antara satu sama lain. Kanak-kanak Cina bernama San sanggup menunggu rakan-rakan Melayu sehingga selesai mengaji untuk pulang bersama-sama ke rumah-masing-masing. Hal demikian dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Ya, malam itu dia datang. Saya sebenarnya menanti lama. Saya tahu dia akan datang seusai kelas al-Qurannya, pada pukul 9.00 malam. Kami semua akan berkumpul di padang kecil ini. Saya nampak dia berlari pulang ke rumahnya. Dia masih berbaju kurung dan tudung masih terikat di kepalanya.

Sebentar kemudian saya nampak ada cahaya tanglung dari lorong rumahnya. Saya tahu dia sedang berjalan ke arah saya.

Saripudin, Aini, San dan beberapa orang lagi sahabat saya yang lain, dalam gelap jelaga malam, sedang menyalakan lilin tanglung masing-masing (Mawaf Shafei 2007: 181).

### Cinta dan Pengorbanan

Sudah menjadi fitrah manusia yang memerlukan cinta dalam kehidupan. Kita seringkali beranggapan bahawa cinta akan berakhir dengan sebuah perkahwinan. Namun sebagai manusia, kita hanya mampu merancang tetapi Tuhan yang telah menetapkan segala-galanya. Terdapat juga banyak kes yang menunjukkan tidak semua cinta berakhir dengan perkahwinan. Hal sedemikian mengkin berlaku disebabkan tentang keluarga, perbezaan agama, masalah kesihatan, jarak jauh dan sebagainya. Jika ditelitikan dalam sebuah percintaan, pengorbanan amat diperlukan sama ada dari aspek masa, wang, tenaga, keluarga dan sebab-sebab lain. Misalnya dalam cerpen “Cerita Si Kembang Cina” yang memberi gambaran gadis Cina terpaksa mengorbankan cinta bersama kekasih hatinya demi membantu keluarganya membayar hutang turuan temurun. Dia dijadikan cagaran hutang yang hanya boleh dilunaskan dengan cara berkahwin dengan anak lelaki keluarga pemutang. Gambaran ini dapat dilihat seperti petikan di bawah:

“Aku bukan sahaja terpaksa berkahwin dengan lelaki yang tidak pernah aku kenali, aku juga kehilangan cinta. Kekasihku entah di mana. Ah, kekasih yang selalu mengatakan matakku seperti mata cenderawasih. Kau tahu, kami pernah berjanji untuk bersama-sama dalam apa-apa juga rona suasana. Tiba-tiba, aku yang memecahkan janji itu dan pergi jauh meninggalkan segala kenangan dan impian kami. Aku

berkahwin dengan lelaki yang dikatakan dapat menamatkan segala piutang keluarga kami..." (Mawar Shafei 2007: 241-242).

Berbeza pula dengan watak Meigue yang terpaksa mengorbankan cinta beberapa kali atas beberapa alasan. Kekasih pertama Meigue bernama SK iaitu seorang pencinta seni. SK sering mengirim lukisan maya ke kota elektronik Meigue atau menghantar lakaran Meigue bersama selo ke lokar peribadinya. Namun Meigui terpaksa mengorbankan cintanya apabila satu hari dia membuat kunjungan mengejut ke galeri seni untuk berjumpa SK. Ketika itu dia terlihat SK sedang berkucupan dengan Alberto guru tutorialnya iaitu seorang lelaki yang gemar mengenakan celana jingga atau sering menyarung kemeja ranggi merah jambu (Mawar Shafei 2007: 228).

Cinta kedua Meigue jatuh kepada Uchena seorang pembimbing orchestra ditempatnya belajar. Rasa cinta Meigue bermula ketika dia memaut bahu Uchena sewaktu hampir tergelincir di muka pintu bilik muzik pada suatu petang sebelum memulakan latihan (Mawar Shafei, 2007: 228). Uchena adalah lelaki Nigeria yang mempunyai anak sebaya Meigue dan telah berpisah dengan isterinya. Namun perpisahan tersebut tidak menghalang Uchena berjumpa bekas isterinya untuk berbincang tentang masa depan anaknya. Namun rasa cinta Uchena terhadap Meigui hanyalah rasa cinta luhur seorang ayah kepada anaknya. Sekali lagi Meigui terpaksa mengorbankan cintanya yang kedua.

Seterusnya Cinta hati Meigue yang ketiga ialah Nox seorang pencipta bangunan yang dikenalinya melalui perbualan alam maya. Nox seorang pendiam dan membuka mulut apabila ditanya. Sebenarnya Nox sedang menunggu masa kematianya. Doktor meramalkan Nox hanya mempunyai masa enam bulan untuk hidup akibat diserang kanser. Antara punca utama Meigui mengorbankan cintanya yang ketiga apabila persoalan anak ditimbulkan. Meigui bertanya bagaimana Nox mahukan zuriat lebih dari satu (Mawar Shafei 2007: 231). Nox menyatakan yang dia akan menyimpan spermanya di Bank Sperma Negara dan Meigui boleh menggunakan pada bila-bila masa setelah Nox meninggal dunia.

Akhirnya Meigui menemui cintanya yang keempat bersama Ded seorang pelajar pendidikan sukan dan pelari pecut universiti. Meigue dapat mengubat kesunyian hatinya tatkala bercinta bersama Ded. Ded jatuh hati kepada Meigui ketika sedang menyelesaikan kuliah pendidikan sukan di padang universiti. Waktu itu Meigue sedang asyik menghimpit badan selo kecintaannya antara dua lutut ternganga. Manakala Ded pula hampir-hampir tenganga melihat gadis berambut panjang bermain selo di koridor bilik muzik fakulti (Mawar Shafei 2007: 223). Namun siapa sangka, ketika Meigue sedang menanti untuk bertemu Ded, dia telah dilanggar lari oleh sebuah motosikal yang ditunggang oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Pada masa yang sama kalung hadiah neneknya juga turut diragut oleh penjenayah berkenaan. Meigui telah meninggal dunia semasa dalam perjalanan ke hospital. Kematian Meigue telah membawa sekali cinta Ded dan berakhirlah cinta Meigue di alam nyata.

### **Wanita dan Pengorbanan**

Pada zaman dahulu anak perempuan acapkali digambarkan sebagai anak yang patuh kepada kedua orang tuanya. Sebarang bentuk keputusan yang perlu diambil diserahkan sebulat-bulatnya kepada ibu bapa tanpa mengambil pandangan si anak perempuan. Misalnya dalam sebuah keluarga Cina tradisional seorang ketua keluarga mempunyai hak dan kewajipan untuk mengatur hubungan keluarga tanpa terus meminta persetujuan daripada anggota keluarganya. Seorang ketua keluarga biasanya adalah orang tertua dalam keluarga atau dipilih oleh anggota keluarganya. Dalam peraturan dan tradisi masyarakat Cina yang melihat

hubungan keluarga berdasarkan garis keturunan laki-laki, maka tanpa melihat kesenioran dan kemampuan yang dimiliki oleh seorang perempuan mereka (perempuan) tidak boleh mewakili keluarga untuk berinteraksi dengan pihak luar (Yuri Agita 2014). Hal demikian tergambar dalam Cerpen “Si Kembang Cina” yang memperlihatkan kuasa ketua keluarga iaitu bapa yang terpaksa mengobarkan anak gadisnya sendiri demi membayar hutang piutang bapanya sejak turun temurun. Petikan berikut memperlihatkan situasi demikian:

Aku menjadi bayaran kepada hutang ayah. Ia sebenarnya hutang sepanjang keturunan, yang entah bila akan berakhir. Aku tidak pasti adakah aku sudah menamatkannya (Mawar Shafei 2007: 241).

Aku berkahwin dengan lelaki yang dikatakan dapat menamatkan segala piutang keluarga kami. Apa lagi yang membahagiakan aku selain daripada dapat menoktahkan sejarah sengsara keluarga kami yang panjang (Mawar Shafei 2007: 242).

Namun, kecantikan yang dimiliki oleh gadis berkenaan akhirnya dijadikan sumber pendapatan oleh suaminya yang tidak bekerja bagi menyara hidup mereka. Harapan Si Kembang Cina untuk hidup bahagia bersama suaminya berkecualia apabila dia dijadikan objek pertaruhan di meja judi. Pengorbanan yang dilakukan Si Kembang Cina tidak mendatangkan hasil malah terpaksa mengorbankan dirinya sendiri untuk mendapatkan sesuap nasi. Hal demikian digambarkan dalam petikan berikut:

Nasibku ternyata terus berwajah malang. Awalnya aku memujuk hati untuk melihat perkahwinan ini sebagai tanda terima kasih kepada kasih sayang yang aku kecapi selama ini dari keluarga tercinta. Perkahwinan ini aku harapkan sebagai hadiah pengorbanan kepada sengsara yang terpaksa ditanggung keluarga. Namun, ia ruparupanya memerangkap aku dalam lubuk puaka yang tidak pernah terbayangkan. Ia menghodohkan wajah masa hadapanku (Mawar Shafei 2007: 243).

Suaminya yang diharap menjadi pengganti keluarga yang ditinggalkan, bertukar rupa. Menyerahlah dia kepada laki-laki yang berbeza keinginan hampir setiap hari. Daripada serahan diri itu mereka mendapat wang untuk makan dan meneruskan nafas. Tiada apa-apa yang lebih baik mahu dilakukannya ketika itu selain bunuh diri. Dia hampir-hampir menamatkan nyawa sendiri dengan menggantung diri di ruang sempit tempat dia sehari-hari melayan lelaki. Namun, segera dia mengingati kasih sayang keluarga. Tidak mungkin. Hasratnya, mahu bertemu keluarga semula. Entah bila, Entah akan berjumpa atau tidak (Mawar Shafei 2007: 243-244).

Petikan di atas menunjukkan gambaran perempuan dalam masyarakat Cina tradisional. Kedudukan perempuan dalam sebuah keluarga Cina tradisional berada di bawah dominasi kaum laki-laki, sangatlah rendah terutamanya mereka yang berasal daripada keluarga miskin. Kedudukan yang rendah ini sebenarnya merupakan warisan yang telah berlangsung berabad-abad yang lalu. Perempuan Cina telah menderita sejak kanak-kanak. Manakala dalam keluarga miskin, gadis-gadis dijual sebagai budak kepada keluarga kaya, bila tidak dijual mereka diperbudak oleh keluarganya sendiri. Mereka ditugaskan untuk mengerjakan seluruh urusan rumah tangga, termasuk mengasuh adiknya (Yurie Agita 2014: 2).

Selanjutnya, gambaran wanita yang berkurban menjaga cucu setelah kematian ibu pula dapat dilihat dalam cerpen “Kesuma Cinta Meigue”. Meigue telah ditinggalkan ibunya

sejak lahir ke dunia. Mulai saat itu, dia dipelihara oleh neneknya dengan penuh kasih sayang. Kepada neneknya sahaja tempat Meigue mengadu masalah sehingga orang tua berkenaan amat memahami kehendak cucunya itu. Oleh kerana sayangnya yang mendalam terhadap Meigue, neneknya telah menghadiahkan seutas kalung turun temurun kepada Meigue. Kalung berkenaan dipercayai dapat memberi seribu wajah kecantikan kepada pemakainya.

“Kalung ini yang akan mematikan segala petaka dalam hidupmu. Ia akan memberikan seribu wajah kecantikan pada si pemakai. Ah, kau tidak tahu kalung pusaka empat keturunan keluarga ini. Ia dihadiahkan suami moyangmu sebagai tanda cinta. Tanda lamaran diterima! Ah, pakailah cucu. Segala kebahagiaan menjadi milikmu, gadis yang manis! Gadis yang bertuah! Kali ini dia akan menjadi kekasihmu sepanjang hidup” (Mawar Shafei 2007: 224).

Petikan berkenaan menunjukkan nenek Meigue merestui hubungannya dengan Ded dan berharap Ded akan menjadi kekasih Meigue sepanjang hidupnya. Gambaran kalung itu juga menunjukkan agar Meigue menerima cinta Ded sama seperti tanda cinta yang diberikan oleh suami kepada moyang Meigue. Walaupun Meigue telah meninggal dunia, kasih sayang neneknya terus kekal abadi. Hal demikian dapat dilihat setiap kali datangnya perayaan *chungyuanjie* yang dirayakan pada hari kelima belas dalam bulan tujuh takwim Cina. Nenek akan berdoa untuk kesejahteraan Meigue di alam kekal seperti petikan berikut:

Ah, nenda yang saya rindu. Setiap datangnya perayaan *chungyuanjie*, lilin merah akan bernyala. Hari kelima belas setiap bulan ketujuh di kotak takwim, saya akan kembali ke sini. Melihat nenda khusyk berdoa untuk kesejahteraan saya, merupakan satu kesedihan yang rasanya tidak tertanggung oleh saya, cucunya yang sepi (Mawar Shafei 2007: 2013).

### Wanita dan Kecantikan

Wanita dan kecantikan sukar dipisahkan. Kecantikan dan wanita ibarat isi dengan kuku dan tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Cantik digambarkan sebagai putih, bersih, langsing dan seksi, serta berambut panjang. Memaknai kecantikan dan perempuan nyatanya tidak ada habisnya untuk dibahas. Dalam hal ini, memahami konsep kecantikan pada akhirnya mempengaruhi persepsi masyarakat secara sosial (Rhesa Zuhriya Briyan Pratiwi 2018:134). Setiap wanita inginkan dirinya sentiasa dilihat cantik dan menarik. Dengan kata lain wanita tidak mahu dilihat hodoh atau jelik. Gambaran wanita Cina yang cantik dapat dilihat dalam cerpen “Cerita Si Kembang Cina” seperti berikut:

“Aku pernah berjalan di atas pentas panjang, menggayakan fesyen baju rekaan terbaru.” (Mawar Shafei 2007: 239)

“Kau pecaya bukan, dulu, aku seorang peragawati?”

Saya mengangguk tanpa sebarang ragu yang tergantung. Akhirnya Si Kembang Cina bercerita dan bercerita seakan enggan mahu berhenti. Sesekali dia menyanyi. Sesekali Si Kembang Cina berdiri. “Aku cantik.” (Mawar Shafei 2007: 240).

“Kau tahu, dengan keterpaksaan mengahwini lelaki yang aku letakkan harapan dapat menggantikan kekasihku, juga bermakna aku memaksa diri menguburkan kerja

peragaan yang baru mula kucintai. Ia juga selama ini mendapat sokongan kekasih dan keluarga. Malah, dengan kecintaan pada pentas peragaan, aku dapat menyara adik-adikku membeli buku dan mengenal ilmu” (Mawar Shafei 2007: 242)

Jika diperhatikan Si Kembang Cina tetap menjaga penampilan dirinya walaupun sudah tua. Sesuai dengan kerjayanya sebagai peragawati semasa muda, dia akan duduk dalam keadaan sopan dengan cara menyilangkan kaki. Dia digambarkan seorang yang bergaya, menghargai kecantikan diri, berkulit mulus, berkeadaan bersih dan terjaga seperti petikan berikut:

Sesekali rambut putih mengurainya diusap-usap. Kakinya yang panjang beralas selipar merah, seperti biasa dengan gaya peragaan atau *catwalk*. Sementara beg berlabuci yang tersangkut di lengan telanjang, mengerlip apabila diayun-ayun. Dia duduk kembali. Kakinya bersilang lagi. Sebagai peragawati, pasti sahaja dia begitu menghargai kecantikannya. Berkulit mulus dengan mata yang memujuk, dia hampir-hampir memerangkap setiap mata hati yang melihatnya. Saya dapat melihat baki kecantikan yang dia punya waktu muda belia. Dia berkeadaan bersih dan terjaga (Mawar Shafei 2007: 240)

Selain itu, gambaran wanita cantik dan bergaya turut dinyatakan dalam cerpen “Kesuma Cinta Meigue” yang memperlihatkan Meigue memakai pakaian dari butik terkenal dan sandal daripada jenama terkemuka ketika mahu berjumpa kekasihnya yang keempat Ded. Kecantikan fizikal Meigue diperlihatkan melalui leher yang jinjang dan kakinya setiap kali mengepit alat muzik selo.

Meigue menjengah lagi jam di tangan. Sewaktu bersiap untuk ke kuliah (sebenarnya lebih untuk bertemu Ded di persimpangan jalan masuk ke lobi fakulti), leher jinjang Meigue segera disarung nenda kalung panjang yang cantik. Ia tergantung hingga ke aras dada gadisnya. Di situ juga terkumpul silau kecubung yang memukau mana-mana mata yang singgah. Silau kecubung yang menyimpan impian mahu memiliki demi keindahannya yang luar biasa (Mawar Shafei 2007: 224)

Meigue mengenakan blaus ketat merah jambu cair dipadan dengan baju luar berlengan panjang daripada jenis kain kapas yang jernih. Putih. Warna kegemarannya. Purih juga untuk celana panjang yang baru minggu lalu disambar dari Mango. Sementara sandal rekaan terkini C n K, serasi dengan cita rasa remaja sepertinya, disarung dikaki langsing. Usik Ded, kaki itu yang sering menggoda setiap kali ada selo tersepit antaranya (Mawar Shafei 2007: 222).

Melalui petikan yang dinyatakan di atas didapati fitrah kecantikan dan wanita tidak boleh dipisahkan dan sudah menjadi lumrah menyebut kecantikan ia sinonim dengan golongan yang menjaga keayuan dan penampilan diri ini (Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad dan Sabzali Musa Kahn 2019:144). Si Kembang Cina dan Meigui digambarkan oleh pengarang sebagai wanita yang cantik melalui kerjaya mereka sebagai peragawati dan pemain muzik celo. Bentuk fizikal mereka digambarkan dengan jelas dang memenuhi ciri-ciri kecantikan pada zaman itu.

## MERAH SEBAGAI PERLAMBANGAN

Bagi masyarakat Cina, warna merah merupakan warna yang paling penting dan digemari. Warna merah membawa pengertian baik seperti kemasyarakatan, kegembiraan, keriangan, kemeriah, kesejahteraan, kekayaan dan kemewahan yang melimpah-limpah. Merah selalu dihubungkan dengan nasib yang baik dan tuah seseorang atau *ong*. Warna merah menjadi identiti dan pengenalan orang Cina. Kepentingan warna merah dapat dilihat pada perayaan Cina, upacara sembahyang, pemujaan dan adat istiadat orang Cina (Ann Wan Seng 1997:83). Warna merah yang digambarkan oleh pengarang dalam keempat-empat buah cerpen yang dibincangkan dalam makalah ini mempunyai perlambangan tertentu. Hal demikian diringkaskan dalam jadual berikut:

JADUAL1. Gambaran Warna Merah dalam Empat Cerpen

Tajuk Cerpen	Gambaran Warna Merah	Watak
“Dari <i>Bumble Bee</i> ke <i>Boy’s Room</i> ”	berbaju jingga darah	Dr. Lutz (hal. 174) Encik Chen (hal. 178)
“Antara Rindu <i>Xiang Si Dou</i> ”	biji saga (hal.179) renda merah jambu	Gadis comel (hal. 182)
“Kesuma Cinta Meigue”	blaus ketat merah jambu kemeja ranggi merah jambu celana jingga lilin merah (hal. 233, 234) mata merah darah	Meigue (hal.222.) Alberto (hal.228) Alberto (hal.228)  Meigue (hal.235) Meigue (hal.236)
“Cerita Si Kembang Cina”	berselipar merah senja merah penuh darah (hal.245) darah	Si Kembang Cina (hal.245)  Suami Si Kembang Cina (hal.245-246)

Gambaran warna merah dalam empat buah cerpen yang dibincangkan mempunyai maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada khalayak pembacanya. Berdasarkan jadual di atas warna merah dapat dirungkai kepada beberapa makna iaitu perwatakan dan pemakaian, nilai persahabatan, nyawa dan kematian.

Dari aspek perwatakan, gambaran watak wanita, gadis dan kanak-kanak perempuan seringkali dikaitkan dengan pakaian atau perhiasan berwarna merah atau merah jambu. Pemakaian warna jingga pula turut diselitkan kerana warna tersebut ada hubungannya dengan warna merah iaitu hasil campuran warna merah dengan warna kuning. Warna sedemikian biasanya menjadi pakaian gadis dan wanita bagi menyerlah lagi penampilan diri. Misalnya Meigue berpakaian merah jambu ketat sewaktu ingin bertemu kekasihnya Ded sesuai dengan usia remajanya yang sedang belajar di universiti. Manakala gadis comel mengenakan reben merah jambu di kiri kanan rambut halusnya bagi menyerlahkan lagi penampilan kanak-kanak berkenaan yang sedang berjalan bersama ibunya. Seterusnya Si Kembang Cina yang sudah

tua memakai selipar merah dilihat lebih bergaya dan sesuai dengan penampilannya sebagai seorang peragawati semasa muda. Berbanding dengan penampilan Alberto yang memakai kemeja ranggi merah jambu dan celana jingga memperlihatkan ciri-ciri kewanitaannya. Hal demikian diperkuuhkan lagi dengan peristiwa Alberto berkucupan dengan SK kekasih pertama Meigue.

Sehubungan dengan itu, warna merah juga menjadi lambang persahabatan yang berputik antara seorang kanak-kanak Cina dan Melayu seperti yang digambarkan dalam cerpen “Antara Rindu *Xiang Si Dou*.” Gambaran persahabatan yang erat diperlihatkan pengarang melalui biji saga yang berwarna merah. Kanak-kanak berkenaan suka mengutip biji saga yang terkepung di antara akar pokok *mu ma huang* yang lebar, tinggi dan melindung (Mawar Shafei 2007: 179). Hebatnya penangan biji saga membuatkan kanak-kanak Cina memberikan nama kedai hiasan dalaman yang disewanya dengan nama Memori Saga ketika sudah dewasa. Dia mengisi botol dan uncang dalam bakul anyaman dikedainya dengan biji saga. Dengan melihat biji saga, kenangan terhadap sahabat lamanya tidak pernah luput dari ingatan. Hal demikian digambarkan dalam petikan berikut:

Kenapa ibu beli biji saga?” Saya menoleh. Gadis comel dengan renda merah jambu di kiri dan kanan rambut halusnya, memaut tangan wanita tinggi lampai itu.

“Ia lambag persahabatan, sayang. *Xiang si dou*. Merahnya hangat, sehangat persahabatan, sayang.” Saya terhenti daripada membelek beberapa kayu penyepit yang yang berukiran dipangkalnya (Mawar Shafei 2007: 182).

Selain itu, warna merah yang diutarakan dalam “Dari *Bumble Bee* ke *Boy’s Room*”, “Kesuma Cinta Meigue” dan “Cerita Si Kembang Cina” pula menggambarkan nyawa dan kematian. Ia ditandai dengan kata ‘darah’, ‘mata merah’, ‘lilin merah’ dan ‘senja merah penuh darah’. Darah yang didermakan oleh Encik Chen di hospital tempat dia bekerja bertujuan menambahkan bekalan darah sekiranya ada pesakit yang memerlukan dan menyelamatkan nyawa. Berbeza dengan darah yang diceritakan dalam cerpen “Kesuma Cinta Meigue” dan “Cerita Si Kembang Cina” yang melambangkan kematian Meigue akibat langgar lari di fakulti universiti dan Si Kembang Cina membunuh suaminya kerana tidak tahan dengan layanan buruk suaminya. Frasa ‘senja merah penuh darah’ pula bermaksud Si kembang Cina membunuh suaminya pada waktu hampir maghrib iaitu semasa suaminya menunggu masa untuk makan malam yang dibawa oleh Si Kembang Cina.

Manakala ‘mata merah’ mendiang Meigue pula membawa maksud kemarahan Meigue atas ketidaksetiaan, kecurangan, kepura-puraan dan seribu kejahatan yang berupa dendam yang telah bersarang lama dalam dirinya selama ini. Hanya dengan ‘lilin merah’ yang dipasang oleh neneknya setiap kali datangnya perayaan *chungyuanjie* yang akan menjadi kompas kepada Meigue untuk melihat semula tempat dia belajar dan nyawanya diragut.

## KESIMPULAN

Keempat-empat cerpen yang dibincangkan dalam makalah ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Wanita tidak dapat dipisahkan dengan cinta yang boleh menjadi madu dan racun dalam hidup. Cinta menjadikan wanita bahagia dan cinta juga mampu mengorbankan wanita. Cinta wanita bukan hanya terhadap yang khalik ibu bapa, datuk nenek, suami dan anak-anak tetapi terhadap sahabat yang menjadi sebahagian hidup seorang wanita. Setiap hubungan cinta memerlukan pengorbanan. Namun sedihnya, yang selalu menjadi korban cinta adalah wanita. Latar masa yang digambarkan oleh pengarang menunjukkan wanita Cina

pada zaman itu dijadikan sebagai mangsa untuk mendapatkan wang dan tebusan hutang piutang.

Di sebalik nilai negatif yang digambarkan, pengarang turut memperlihatkan nilai positif dalam cerpen yang dibincangkan. Misalnya kemanisan cinta dan nilai persahabatan diungkapkan melalui biji saga merah yang sentiasa membara. Sifat penyayang seorang nenek yang memelihara cucunya selepas ditinggalkan ibu kandung dan kesetiaan anak perempuan terhadap ibu bapanya. Selain itu, penulis turut menyelitkan elemen manisan kuih bulan yang amat sinonim dengan masyarakat Cina dan sering dihidangkan pada perayaan Kuih Bulan. Perbincangan yang diberikan banyak menyentuh persoalan wanita dan cinta. Namun demikian elemen manisan turut ditambah bagi melengkapkan lagi penulisan cerpen-cerpen berkenaan. Manisan ibarat rempah ratus yang menambahkan perisa dalam *Kumpulan Cerpen Masitah* ini.

## RUJUKAN

- Ann Wan Seng. 1994. *Perayaan Orang Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ann Wan Seng. 1994. *Adat dan Pantang Larang Orang Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Chen Nan Fei & Mawar Safei. 2017. Cinta: komunikasi emosi wanita dalam novel China dan Melayu *Jurnal Melayu* (Isu Khas), 334-353.
- Ekarini Saraswati. 2010. Pergeseran citra pribadi perempuan dalam sastra Indonesia: analisis psikoanalisis terhadap karya sastra Indonesia mulai angkatan sebelum perang hingga mutakhir *Jurnal Artikulasi*, 10 (2), 615-626.
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koleksi hadis tentang sahabat. t.th. <http://khazinahqalbu-fatinismadi.blogspot.com/2013/01/koleksi-hadis-tentang-sahabat.html> [15 Mac 2019].
- Mawar Shafei. 2007. *Kumpulan Cerpen Masitah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Shafei. 2011. *Bagaimana Saya Menulis: Proses Penciptaan Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Shafei. 2014. *Inilah Karangan Saya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mawar Shafei. 2019. Bertemu lagi perempuan si pemetik harpa. Dlm. Sunan Kaen & S.M. Zakir, *Perempuan, Cinta dan Kehidupan - Kumpulan Cerpen Indonesia-Malaysia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2020. Citra emosi wanita dalam cerpen dan rasa kepada khalayak. *International Journal of Social Science Research* 2(1):124-138 <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijssr> [11 Oktober 2012].
- Noriah Mohamed. 2006. *Sentuhan Rasa dan Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhayati Ab. Rahman. 2013. Gender dalam Sastea Melayu. Ulasan buku *Jurnal Melayu*, 10, 93-99.
- Perbezaan maksud antara sahabat kawan rakan dan kenalan. t.th. <http://www.gempak.org/forum/236-sembang-kosong/86438-perbezaan-maksud-antara-sahabat-kawan-rakan-dan-kenalan> [15 Mac 2019].
- Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad dan Sabzali Musa Kahn. 2019. Mantera kecantikan masyarakat wanita Bajau. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 144-153.
- Rhesa Zuhriya Briyan Pratiwi. 2018. Perempuan dan kontes kecantikan (analisis mengenai konstruksi citra dalam bingkai komodifikasi). *Jurnal An-Nida*, 10(2), 133-143.
- Rosnah Baharudin & Mawar Safei (pngr.) 2008. *Zaharah Nawawi dalam Esei dan Kritikan*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Siti Aisah Murad. 2008. Wanita di tangan pengarang wanita dalam *Orang Perjuangan*. Dlm. Rosnah Baharudin & Mawar Safei (peny.). *Zaharah Nawawi dalam Esei dan Kritikan*, hal. 237-249. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM,
- Tuan Rusmawati Raja Hassan, Mawar Safei & Muammar Ghaddafi Hafiah. 2018. Analisis wajah seorang wanita menerusi tu'minubillah dalam sastera profetik *Jurnal Melayu*, 17(2), 334-353.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Peny.). 2013. *Gender dalam Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yurie Agita. 2014. Gambaran Kehidupan Perempuan Cina Tradisional dalam novel *The Good Earth (Bumi yang Subur)* karya Pearls Buck. Makalah sebagai syarat kelulusan Sarjana Humaniora dalam Sastera Cina. Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia.

#### Biodata Penulis:

**Yusmilayati Yunos** adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusateraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah kajian manuskrip Melayu, tib Melayu dan Jawa.